



GARIS PANDUAN
KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN DAN PERGIGIAN
KEPADA PEGAWAI
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENGENALAN

1. Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Kemudahan Rawatan Perubatan dan Pergigian kepada Pegawai Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

TUJUAN

2. Garis panduan ini bertujuan menetapkan kemudahan perubatan dan pergigian kepada pegawai dan tanggungan mereka dengan pembiayaan yang ditentukan oleh pihak Suruhanjaya serta keadaan pentadbiran berkaitan dengannya.

TARIKH KUAT KUASA

3. Garis panduan ini berkuatkuasa pada **1 Ogos 2018**.

TAKRIFAN

4. Dalam garis panduan ini:

"Pegawai Perubatan" bermakna seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan bagi maksud Perintah-perintah Am 6 dan 32 termasuk seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian yang berkhidmat dengan sebarang hospital universiti atau Angkatan Tentera Malaysia.

"Doktor Swasta" bermakna pengamal perubatan yang didaftar di bawah Akta Perubatan 1971 dan berkhidmat di klinik-klinik swasta doktor perubatan.

"Ibu bapa yang sah" bermakna ibu kandung atau bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu angkat atau bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang.

“**Keluarga Pegawai**” bermakna bagi pegawai lelaki, isteri dan anak-anaknya; dan bagi pegawai perempuan, suami dan anak-anaknya, maka anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang berumur di bawah 18 tahun; atau sekiranya masih bersekolah di bawah umur 21 tahun. Walau bagaimanapun bagi anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai. Istilah “anak” akan termasuk juga anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diambil mengikut undang-undang.

“**Pegawai Suruhanjaya**” bermakna mana-mana orang yang diambil bekerja oleh Suruhanjaya di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

“**Pekerja Lantikan khas**” bermakna pegawai yang diluluskan oleh Setiausaha dan diperakukan lantikannya oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

“**Pekerja Sambilan Harian**” bermakna seseorang yang dilantik untuk berkhidmat dengan Suruhanjaya mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2011 - Dasar Dan Prosedur Pengambilan Pekerja Sambilan Harian.

“**Suruhanjaya**” bermakna Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

“**Setiausaha**” bermakna Setiausaha Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

“**Pembedahan kecil**” bermakna prosedur pembedahan yang tidak memerlukan pembiusan dan bantuan pernafasan selama proses pembedahan seperti berkhatan atau merawat luka kecil.

KELAYAKAN RAWATAN

5. **Layak**; Individu (termasuk ibu dan bapa serta keluarga pegawai) yang layak mendapat kemudahan perubatan dan pergigian adalah seperti di dalam jadual yang berikut:

Bil	Status Lantikan	Kelayakan	
		Diri Sendiri	Tanggung
1.	Pegawai Suruhanjaya (Tetap, Kontrak, Sementara dan Pinjaman ke Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan)	Layak	i. Suami/isteri atau isteri-isteri yang sah; ii. Anak-anak yang berumur tidak melebihi 18 tahun termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang; iii. Anak-anak yang berumur 18 tahun ke atas yang yang masih bersekolah/menuntut di institusi pengajian tinggi serta masih di bawah tanggungan pegawai – memerlukan pembuktian surat tawaran belajar; dan iv. ibu kandung atau bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu angkat atau bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang.
2.	Pekerja Lantikan Khas	Layak	Tidak layak
3.	Pekerja Sambilan Harian	Layak	Tidak layak

6. **Tidak Layak;** Individu (termasuk ibu dan bapa serta keluarga pegawai) yang tidak layak mendapat kemudahan perubatan dan pergigian adalah seperti berikut:

- a) Pegawai Suruhanjaya yang ditahan atau digantung kerja di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) Tahun 2000 [*Akta 605*];
- b) Pegawai Suruhanjaya yang menamatkan/ditamatkan perkhidmatan;

- c) Pegawai Suruhanjaya yang sedang mengambil Cuti Tanpa Gaji; dan
- d) Lain-lain sebab atas budibicara Suruhanjaya.

KEMUDAHAN RAWATAN

Rawatan Yang Ditanggung

- a) Rawatan dan perundingan pesakit luar untuk penyakit-penyakit biasa;
- b) Rawatan pergigian (cabut, tampalan dan/atau cucian gigi - *scaling*);
- c) Ubat-ubatan (termasuk ubat-ubatan yang dibeli daripada farmasi atas rujukan daripada Pegawai Perubatan atau Doktor Swasta);
- d) Imunisasi untuk bayi dan kanak-kanak;
- e) Pemeriksaan dan rawatan *antenatal* dan *postnatal* dan penyakit berkaitan kehamilan;
- f) Perkhidmatan diagnostik yang hanya diperlukan untuk tujuan mengenal pasti penyakit diagnostik dan rawatan. Laporan terperinci dari makmal diperlukan untuk kemudahan proses pembayaran;
- g) Pemeriksaan kesihatan dan imunisasi wajib untuk pegawai Suruhanjaya atas tujuan tugas rasmi (termasuk melanjutkan pelajaran, menghadiri kursus, lawatan kerja ke luar negara dan penyambungan kontrak);
- h) Pembedahan kecil yakni prosedur pembedahan yang tidak memerlukan pembiusan dan bantuan pernafasan selama proses pembedahan dan *dressing* seperti berkhatan, luka kecil dan lain-lain;

- i) Pemeriksaan kesihatan bagi pegawai yang berumur 40 tahun ke atas (termasuk pemeriksaan fizikal, ujian makmal, dan pemeriksaan lain yang ditentukan oleh pegawai perubatan yang memeriksa);
- j) Rawatan sonotron dari hospital/klinik oleh pengamal perubatan yang didaftar di bawah Akta Perubatan 1971 dan berkhidmat di klinik-klinik swasta doktor perubatan;
- k) Pembuatan kaca mata untuk masalah penglihatan dengan surat perakuan daripada Doktor Mata (Oftalmologis) atau Optometris berdaftar di bawah Akta Optik 1991. Pembiayaan adalah **terhad kepada RM500.00 daripada jumlah kelayakan tahunan**, pembelian dibenarkan **setiap dua (2) tahun sekali** dan hanya **terpakai untuk kegunaan diri sendiri sahaja**; dan
- l) Ujian makmal adalah seperti di **Lampiran I**.

Rawatan Yang Tidak Ditanggung

7. Bayaran perubatan dan rawatan yang tidak akan dibiayai oleh Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- a) Rawatan untuk penyakit kurang daya tahan penyakit (AIDS) atau komplikasi berkaitan dengan AIDS (*AIDS related complex* [ARC]);
- b) Rawatan terapi tradisional atau alternatif seperti sinseh, akupunktur, homeopati, bomoh dan lain-lain;
- c) Pembelian kanta sentuh dan pembedahan *lasik*;
- d) Kecederaan yang disebabkan oleh keadaan tidak waras atau yang disengajakan (*self inflicted injuries*) akibat daripada pengambilan bahan terlarang dan di bawah pengaruh alkohol;

- e) Rawatan untuk menguatkan mental, psikologi dan emosi;
- f) *House-calls*, rawatan dan penjagaan persendirian;
- g) Rawatan untuk ketagihan dadah, arak, atau lain-lain penyakit berjangkit yang perlukan pengasingan atau kuarantin sewaktu kejadian wabak;
- h) Pemeriksaan dan ujian kesihatan yang diperlukan oleh pihak ketiga bagi tujuan lawatan persendirian ke luar negara;
- i) Rawatan pembedahan plastik dan perubatan untuk kecantikan atau kosmetik dan penyuburan rambut/tanam rambut;
- j) Kecederaan atau penyakit akibat dari penglibatan secara langsung di dalam demonstrasi, rusuhan dan kegemparan awam (*civil commotion*);
- k) Kecederaan akibat perlumbaan haram dari apa jenis sekalipun;
- l) Rawatan untuk penyakit teruk seperti pemindahan organ dan rawatan *renal dialysis* pesakit buah pinggang;
- m) Semua jenis vitamin, makanan tambahan dan *steroid* untuk kekuatan;
- n) Pemeriksaan kesihatan untuk pekerja baru; dan
- o) Prosedur bagi perancangan keluarga seperti IVF, Implan, IUD, dan apa-apa alatan atau prosedur bagi tujuan perancangan keluarga.

HAD RAWATAN

8. Had rawatan maksimum bagi pegawai Suruhanjaya dan tanggungan adalah RM2,000.00 bagi genap satu (1) tahun kalendar atau pada satu kadar yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

9. Kos rawatan yang melebihi had rawatan perlu ditanggung sendiri oleh pegawai.

PROSEDUR MENDAPATKAN RAWATAN DI KLINIK SWASTA

10. Pegawai dan tanggungan boleh mendapat rawatan di mana-mana hospital/klินิก Kerajaan atau swasta dengan kos sendiri.
11. Bagi tujuan tuntutan kos rawatan, setiap resit asal hendaklah dikemukakan bersama - sama Borang Tuntutan Rawatan Perubatan dan Pergigian (Borang Klinik V1/2018) yang telah lengkap diisi kepada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan Suruhanjaya.

PERUNTUKAN AM

12. Sebarang kes di luar garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan untuk membuat penilaian dan pertimbangan sebelum diputuskan oleh Setiausaha dan diperakukan oleh Suruhanjaya.
13. Suruhanjaya berhak meminda atau membatalkan mana-mana perenggan di dalam garis panduan ini mengikut budi bicaranya.

SENARAI UJIAN MAKMAL YANG DITANGGUNG

1. *Full Blood Test*
2. *Blood Group (ABO Rh)*
3. *Urine Fine Examination and Microscopic Examination (UFEME)*
4. *Renal Function Test (RFT)*
5. *Liver Function Test (LFT)*
6. *Thyroid Function Test (TFT)*
7. *Blood Glucose (RBS/FBS)*
8. *Lipid Profile (FLP)*
9. *HbA1c*
10. *Serum Uric Acid*
11. *Serum Calcium*
12. *Dengue Rapid Test*
13. *HIV I & II*
14. *HBsAg*
15. *BFMP*
16. *ECG*
17. *Plain Chest X-Ray*
18. *Pap Smear*
19. *Mamogram*
20. *Spirometry* - Ujian paru-paru
21. *Audiometry* - Ujian tahap pendengaran.